

21/08/1997

Antara halangan dan restu rakyat

WALAUPUN tidak ada halangan imigresen yang besar bagi rakyat Semenanjung Malaysia berkunjung ke Sabah atau Sarawak atau sebaliknya, namun masih ada unsur sekatan yang dirasakan tidak sesuai lagi dengan keadaan hari ini. Ia dilihat tidak sesuai dalam konteks zaman moden hari ini yang memudahkan perhubungan dari satu negeri ke negeri, dari sebuah negara ke negara, malah dari satu benua ke benua lain. Pelbagai cara dilakukan untuk memudahkan rakyat dari sebuah negara berurusan dan menggalakkan pelancongan. Hari ini satu demi satu negara menarik balik visa yang dikenakan bagi rakyat negara tertentu untuk masuk ke negara mereka. Walaupun wujud perbezaan ideologi rakyat sebuah negara dengan sebuah negara lain, ia tidak lagi dianggap sebagai sekatan untuk berkunjung.

Begitu juga, unsur sekatan itu tidak disenangi oleh rakyat sama ada mereka menetap di Semenanjung atau kedua-dua negeri di Malaysia Timur. Secara perbandingan, keadaan itu tidak berlaku ketika seseorang memasuki ke mana-mana negeri di Semenanjung. Apakah rasionalnya sekatan itu perlu wujud antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur. Semua mereka adalah rakyat Malaysia.

Kita boleh mempersoalkan apakah wajarnya rakyat Semenanjung perlu mengisi borang dan mengemukakan dokumen diri seperti kad pengenalan atau passport untuk memasuki negeri yang ditadbir oleh Kerajaan Pusat. Ia mungkin dilihat tidak memberi sebarang kesan kerana waktu yang digunakan untuk mengisi borang begitu singkat. Tetapi dari segi psikologi, sekatan seperti itu menunjukkan seolah-olah wujud jurang rakyat antara negeri di Malaysia. Ia menunjukkan jika seseorang yang tinggal di luar wilayahnya, perlu mematuhi peraturan. Kita mungkin boleh faham keperluan berbuat demikian 10 atau 20 tahun lalu tetapi dalam usaha mewujudkan integrasi nasional, rasanya keperluan seperti itu boleh dianggap sudah berlalu. Kita tidak melihat kemungkinan berlaku sebarang implikasi besar jika sekatan itu dihapuskan kerana daripada mata kasar dan jangka panjang ia memberi lebih banyak kebaikan daripada keburukan.

Dengan jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa masanya akan tiba penduduk Semenanjung, Sabah dan Sarawak tidak perlu lagi melalui halangan imigresen, kita percaya ia akan dilaksanakan pada waktu yang sesuai. Memang kita boleh mempertikaikan mengapa Kerajaan Pusat tidak boleh membuat keputusan segera berhubung perkara itu sedangkan sama ada langkah memperkenalkan atau membatalkan prosedur tertentu adalah dalam kuasa Pusat.

Namun, perkara itu tidak boleh dibuat terburu-buru kerana ia bukan sekadar membabitkan masalah geografi tetapi sebarang keputusan mempunyai kesan lain yang tidak nyata. Ia juga perlu dilihat dalam konteks keseluruhan undang-undang kerana kelulusan mengubah sesuatu peraturan memerlukan pindaan terhadap undang-undang tertentu. Sebagai dijelaskan oleh Dr Mahathir keperluan imigresen termasuk perlunya rakyat Semenanjung memohon permit kerja untuk bertugas di Sarawak dan Sabah termaktub dalam Perjanjian 20 perkara yang digubal sebagai satu syarat bagi kedua-dua negeri itu menyertai Persekutuan Malaysia. Kita hanya nampak kepentingan peraturan ini untuk mengawal, bukan menyusahkan rakyat.

Dalam sistem politik di Malaysia, usaha memudahkan hubungan dua hala antara rakyat Semenanjung, Sabah dan Sarawak, juga akan dijadikan modal politik sesetengah pihak. Parti pembangkang akan menjadikan perkara itu isu besar dan mempengaruhi rakyat mengenai tindakan Semenanjung. Maka,

timbullah andaian Semenanjung mempunyai motif politik yang direka-reka. Mungkin satu daripada syarat usaha itu boleh dilaksanakan ialah dengan memberi sedikit lagi masa kepada rakyat kedua-dua negeri itu supaya mereka benar-benar yakin terhadap kejujuran pemimpin Pusat. Jika peguam dari Semenanjung tidak dibenarkan bebas berkhidmat di Sabah dan Sarawak, apatah lagi kebebasan lain yang boleh dilihat secara ancaman kepada sesetengah pihak di negeri itu. Kita tidak bimbang terhadap keyakinan rakyat terhadap kepemimpinan Semenanjung tetapi apa yang mungkin membantutkan usaha ini ialah hujah politik yang sia-sia.

Meskipun kita mengharapkan peraturan ini dihapuskan segera, kita juga berharap ia perlu direstui semua rakyat kerana kita tidak mahu langkah itu akan memberi gambaran buruk kepada kerajaan.

(END)